

U GB 09-08 00202 BA571

aab

Mahathir - Maklumat (Bergambar)

AGENSI KERAJAAN PERLU SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT TERATUR, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, usaha perlu dilaksanakan secara berterusan untuk membangunkan satu budaya bagi mewujudkan sistem pengurusan maklumat yang teratur di agensi-agensi kerajaan.

Perdana Menteri berkata di samping itu, satu agenda penyelidikan dalam bidang maklumat kerajaan harus dirancang dan dilaksanakan untuk menghasilkan kaedah dan pawaian bagi meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan maklumat kerajaan.

"Tumpuan kerajaan kini ialah pengwujudan sebuah infrastruktur maklumat yang mantap dan jitu sebagai landasan untuk menggerakkan negara ke satu tahap pembangunan yang maju, dinamik dan cemerlang," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan "Civil Service Link (CSL)" atau Rangkaian Perkhidmatan Awam di Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Justeru itu, beliau berkata pelancaran CSL itu bukan sahaja tepat pada masanya, tetapi juga selaras dengan dasar kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang "kaya dengan maklumat."

Objektif utama CSL ialah memudahkan pengguna mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan kerajaan serta untuk menyelaraskan usaha bagi menggiatkan pengwujudan pangkalan data domain awam serta rangkaian di jabatan-jabatan kerajaan. -- Laqi.

▼09/08/13-21MST

R GB 09-08 00153 BA572

aab

Mahathir - Maklumat 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, memandangkan pentingnya pertukaran maklumat antara sektor swasta dengan kerajaan, haruslah wujud kerjasama yang lebih erat dalam perkongsian maklumat antara kedua-dua pihak.

Katanya, aliran dua hala maklumat ini akan dapat meningkatkan lagi daya saingan negara kerana masa dan tenaga akan dapat di Jimatkan.

Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting dalam perkembangan sosio-politik wilayah, ekonomi, alam sekitar dan teknologi, katanya.

"Ini bererti bahawa maklumat-maklumat asas harus dapat mempengaruhi keputusan kita supaya penglibatan kita lebih berkesan dan bermakna," kata beliau.

Dalam hal ini, katanya, kerajaan telah memberi penekanan yang serius kepada perlunya menyebar maklumat penting di bawah Dasar Persyarikatan Malaysia.

Penyebaran maklumat yang meluas dapat membantu sektor swasta mengetahui dengan jelas aspek-aspek seperti undang-undang, peraturan dan prosedur kerajaan yang digunakan, proses yang terlibat, jenis perkhidmatan yang diberi dan agensi yang menyediakannya. -- Laqi.

▼09/08/13-26MST

Mahathir - maklumat 3 Kuala Lumpur

"Maklumat yang relevan, tepat dan kemas kini amat penting dalam menentukan kadar pertumbuhan sosio-ekonomi," kata beliau.

Sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi memerlukan maklumat untuk bersaing dalam pasaran dunia, katanya.

Dr Mahathir berkata, kebanyakan maklumat yang diperlukan oleh sektor swasta kini berada dalam milik kerajaan.

Perangkaan ekonomi makro, ramalan dan analisis mengenai arah aliran sektor-sektor ekonomi, petunjuk sosial, sains dan teknologi merupakan input utama yang boleh membantu syarikat-syarikat swasta dalam perancangan mereka, kata beliau.

"Perolehan maklumat yang tepat dan lengkap tentu sekali dapat membantu proses harian syarikat-syarikat swasta," kata beliau lagi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan, dalam merangka strategi pertumbuhan ekonomi, juga memerlukan maklumat penting yang dipunyai sektor swasta seperti perkembangan dalam pasaran tertentu serta maklumat balas mengenai perkhidmatan kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di samping mempercepatkan lagi proses "membuat keputusan" oleh kerajaan. -- Lagi.

▼09/08/13-44MST

U GB 09-08 00155 BA576

AAB

Mahathir - Maklumat 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata, maklumat yang tepat dan komunikasi yang berkesan ialah pra-syarat yang amat penting dalam pembentukan satu masyarakat yang bersatu padu.

Katanya, persefahaman antara golongan dalam masyarakat akan dapat dipertingkatkan melalui pembekalan maklumat yang tepat dan jitu.

"Pembekalan maklumat juga penting dalam membangun satu masyarakat berilmu. Peralihan daripada masyarakat perindustrian kepada masyarakat maklumat memerlukan data-data yang dapat mempengaruhi keputusan dan tindakan anggota-anggota masyarakat," kata beliau.

Beliau berkata, rakyat Malaysia perlu menyedari kemajuan terkini dalam bidang komunikasi untuk bersama maju dengan memperolehi dan menggunakan maklumat yang tepat dan terkini secara berkesan.

Dr Mahathir berharap CSL dapat berperanan sebagai sebuah pusat maklumat kerajaan yang dikaqami ramai di rantau ini, kata beliau. -- Lagi.

▼09/08/14-38MST

CNS8305

U GB 09-08 00127 BH245

AAB

Mahathir - Maklumat 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Sebelum itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, CSL mencerminkan kesedaran dan kepekaan perkhidmatan awam terhadap perubahan persekitaran dengan masyarakat kian menempatkan harapan yang lebih tinggi kepada perkhidmatan kerajaan.

Katanya, perkara pokok yang mesti dititikberatkan ialah untuk memastikan maklumat CSL itu serta perkhidmatan yang diberikan sentiasa berorientasikan pelanggan, dalam semangat Persyarikatan Malaysia.

Beliau berkata, perkhidmatan CSL telah mula beroperasi secara perintis sejak Jun lalu.

Ahmad Sarji berkata, sehingga kini, sebanyak 11 pengguna termasuk Reliance Shipping, Shell, Hotel Shangri-la dan lain-lain telahpun diberikan kemudahan menggunakan CSL dan berharap pada penghujung 1995, pengguna dari luar negeri pula akan dibenarkan untuk mendapatkan kemudahan itu. -- Bernama.

ES KAM.

▼09/08/14-38MST

CNS8364

U GB 09-08 00118 BH251

AAB

Mahathir - Maklumat 6 Kuala Lumpur (Sambungan Berita)

Objektif utama CSL atau Rangkaian Perkhidmatan Awam di Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU) itu ialah memudahkan pengguna mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan kerajaan.

Ia juga untuk menyelaraskan usaha bagi meningkatkan pengwujudan pangkalan data awam serta rangkaian di jabatan-jabatan kerajaan.

Rangkaian itu menghubungkan agensi-agensi kerajaan, masyarakat usahawan, institusi penyelidikan dan akademik dengan orang ramai dan terbahagi kepada pusat sumber maklumat dan terminal rangkaian maklumat yang terletak di tempat-tempat awam yang mudah diperolehi orang ramai.

Projek CSL itu ialah usahasama antara MAMPU dan Mesiniaga Sdn Bhd yang menandatangani perjanjian mengenainya pada bulan April lalu. -- Bernama.

ES KAM.

▼09/08/16-00MST